

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI  
[HULU SELANGOR ]**

**TARIKH SOALAN**

**11 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 41**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan secara terperinci apakah inisiatif Kementerian bagi membantu usahawan tempatan menceburi dalam industri produk halal di pasaran antarabangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Adalah menjadi tumpuan Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) untuk membantu usahawan tempatan menceburi industri produk halal, bukan sahaja untuk pasaran tempatan malah menembusi pasaran global. Ini melihat kepada potensi industri halal di mana jumlah keseluruhan eksport barang halal telah mencatatkan peningkatan dari RM26.2 bilion pada tahun 2010 kepada RM40 bilion pada tahun 2018. Bagi membantu usahawan tempatan, beberapa inisiatif khususnya di peringkat antarabangsa telah dipergiatkan oleh MED, antaranya:

**(a) Program Going Export (GoEx)**

Melalui program ini, usahawan akan diberikan bimbingan kawalan mutu, rekabentuk dan penjenamaan yang memenuhi standard antarabangsa. Sejak 2014, 287 PKS telah menyertai program ini dengan 40 pasaran baharu telah diteroka dan nilai potensi jualan eksport sebanyak RM504 juta.

**(b) Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB)**

Bantuan geran bersamaan dan skim pinjaman mudah disediakan bagi membantu meningkatkan bilangan dan keupayaan eksport PKS Bumiputera serta menambah bilangan PKS Bumiputera yang mampu untuk menembusi pasaran global. Untuk tempoh 2016 sehingga Januari 2019, sejumlah 46 permohonan telah diluluskan dengan nilai geran dan pinjaman berjumlah RM44 juta.

**(c) Ekspo Halal Malaysia 2019**

Ekspo HALAL Malaysia 2019 pada 24 - 26 Januari 2019 khusus untuk meneroka pasaran Jepun sempena Sukan Olimpik Tokyo 2020. Sebanyak 223 Sesi Pemadanan Perniagaan telah direkodkan melibatkan 144 PKS yang menjana potensi jualan sebanyak RM135 juta. Pada masa ini, MED sedang giat membantu memudahkan cara usahawan untuk memenuhi piawaian dan keperluan import negara matahari terbit tersebut. Dalam masa yang sama, MED juga sedang bekerjasama dengan MATRADE untuk mendapatkan ruang perniagaan dalam kawasan perkampungan sukan Olimpik Tokyo 2020 bagi membolehkan usahawan Malaysia mempromosi dan memasarkan produk Halal mereka sepanjang tempoh sukan tersebut berlangsung.

**(d) Karnival Halal Usahawan Malaysia 2019**

Karnival Halal Usahawan Malaysia 2019 telah diadakan pada pada 18 – 20 April 2019 di Bosnia & Herzegovina sempena penganjuran Sarajevo Business Forum. Karnival ini bertujuan mempromosi produk dan perkhidmatan halal usahawan Malaysia. Ia bukan sahaja bertujuan untuk meneroka pasaran Bosnia & Herzegovina, malah menjadi pintu masuk ke negara-negara Balkan dan Eropah Timur. Sebanyak 34 buah syarikat tempatan telah menyertai program ini dengan potensi jualan sebanyak RM55 juta.

**NO. SOALAN: 41**

2. Fokus MED juga adalah pembangunan sumber bahan utama dalam penghasilan produk-produk halal. Antara langkah yang sedang diusahakan MED ialah membangunkan industri pembuatan gelatin halal di Malaysia. Pada masa kini, MED bersama-sama SME Corp Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Halal Industry Development Corporation (HDC) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah mengadakan beberapa siri perbincangan dalam usaha merangka pelan pelaksanaan pembangunan gelatin halal. Pembangunan industri halal gelatin ini dijangka akan membuka peluang baharu kepada usahawan tempatan dalam rantai bekalan produk dan perkhidmatan halal di Malaysia dan seterusnya membuka akses kepada pasaran antarabangsa.

Sekian, terima kasih.